

06 JUL 2002

Muhyiddin-Peralihan

ANGGOTA UMNO JANGAN BUAT ANDAIAN YANG BOLEH JEJASKAN PROSES PERALIHAN

BATU PAHAT, 6 Julai (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta semua anggota parti supaya tidak membuat ramalan, andaian dan perancangan sendiri yang boleh menjejaskan kelancaran proses peralihan kepimpinan dalam Umno dan kerajaan.

Beliau berkata mereka perlu menumpukan pada soal kerja kerana proses peralihan kepimpinan akan berjalan dengan lancar, insya-Allah.

"Yang penting ditumpukan ialah supaya semangat bekerja sebagai satu pasukan Umno itu perlu diteruskan," katanya pada sidang media selepas melancarkan kempen menambah keanggotaan Umno bahagian Batu Pahat di sini, hari ini.

Beliau berkata nasihat itu dipanjangkan kepada anggota peringkat akar umbi berdasarkan presiden parti dan timbalan presiden parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah memberi amanat supaya dalam proses melaksanakan pelan peralihan kepimpinan, perpaduan dan kerjasama diutamakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu berkata tidak harus ada usaha atau tindakan untuk menggagalkan kelancaran pelaksanaan peralihan kepimpinan itu.

"Dalam soal ini kita perlu menentukan supaya kekuatan dan perpaduan Umno dan kerjasama erat yang sedia terjalin antara pimpinan tertinggi, malah antara naib-naib presiden pun, sepatutnya dapat kita teruskan," katanya.

Beliau berkata jika sudah wujud keadaan yang dikatakan baik dalam Umno maka ia bukan sahaja perlu dipertahankan, malah diperkukuhkan lagi.

"Jangan ada pihak-pihak lain yang cuba nak menimbulkan keadaan yang boleh menyebabkan terjejasnya keutuhan perpaduan parti... macam membuat ramalan, andaian dan perancangan sendiri untuk kepentingan tertentu, kerana amanat presiden parti jelas iaitu mahukan keutuhan parti terjamin," tambahnya.

Muhyiddin berkata malah bukan setakat proses peralihan kepimpinan itu sahaja yang penting tetapi selepas itu juga lebih utama untuk kekuatan parti dengan tumpuan perlu diberikan kepada kerja untuk menambah sokongan orang Melayu terhadap Umno.

Muhyiddin berkata jangan terlalu berfikir sangat mengenai soal peralihan kepimpinan itu "per se", mengenai siapa, bila dan kenapa, yang akan menyebabkan terlalu banyak "politiking" dan tidak baik untuk Umno.

Ketika berucap sebelum itu, beliau berkata tidak wujud "Team A, B atau C" dalam Umno kerana yang ada hanya "Team Umno" yang berpegang teguh kepada prinsip perjuangan parti untuk agama, bangsa dan negara yang selama ini telah membolehkan Umno, sebagai teraju kerajaan, menghadapi pelbagai cabaran.

Beliau juga menjelaskan bahawa Dr Mahathir berhasrat meletakkan jawatan Oktober tahun depan bukan kerana sebarang tekanan atau ada pihak yang hendak menjatuhkan beliau, sebaliknya atas kehendak beliau sendiri setelah 21 tahun menerajui parti dan kerajaan.

"Kita harus menghormati keputusan Perdana Menteri," katanya, yang menambah bahawa jangkawaktu 16 bulan sehingga Oktober tahun depan akan membolehkan peralihan kepimpinan berjalan lancar dan teratur.

-- BERNAMA

MNY ZB